

Bil. S 68

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

**PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2004/2005) (BIL. 1), 2004**

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan satu Pemasyhuran Darurat (S 22/04) bertarikh 8 haribulan Mac, 2004 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut satu keadaan darurat dalam seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa apabila satu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu berjalan kuatkuasanya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (5) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut hendaklah termasuk kuasa untuk membuat peruntukan kewangan yang mungkin diperlukan dalam masa tempoh darurat, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu, empat ratus dua puluh satu juta, satu ratus lapan ribu dan lima puluh ringgit (\$4,421,108,050.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2004/2005), 2004 (S 34/04);

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak tiga puluh sembilan juta, lima ratus dua puluh enam ribu, satu ratus sembilan puluh empat ringgit dan lima puluh lapan sen (\$39,526,194.58);

SEKARANG, DARI ITU, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh ceraian-ceraian (3) dan (5) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran.**

1. Perintah ini bolehlah digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 1), 2004.

**Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2004/2005 dan memperuntukkan.**

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi tiga puluh sembilan juta, lima ratus dua puluh enam ribu, satu ratus sembilan puluh empat ringgit dan lima puluh lapan sen (\$39,526,194.58) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual untuk tahun 2004 yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Perintah Perbekalan (2004/2005), 2004 adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang ini adalah diperuntukkan bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Jadual.

**JADUAL**

| [1]                            | [2]                           | [3]                                          |
|--------------------------------|-------------------------------|----------------------------------------------|
| Tajuk                          | Gelaran                       | Jumlah Yang<br>Diperuntukkan<br>Kepada Tajuk |
| <b>KEMENTERIAN PEMBANGUNAN</b> |                               |                                              |
| SK05A                          | Jabatan Perkhidmatan Elektrik | \$39,526,194.58                              |
|                                |                               | <hr/> \$39,526,194.58 <hr/>                  |

Diperbuat pada hari ini 3 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 18 haribulan September, 2004 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**